

Abdullah buktikan Malaysia sokong keamanan

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berjaya membuktikan kepada dunia bahawa Malaysia di bawah kepemimpinannya terus memainkan peranan utama di arena antarabangsa dengan memberi sumbangan dan pandangan ke arah pembentukan sebuah orde dunia yang lebih selamat.

Ini dibuktikan Perdana Menteri ketika mengadakan perjumpaan dengan pemimpin kuasa besar dunia iaitu Presiden Amerika Syarikat, George W Bush; Presiden Perancis, Jacques Chirac dan Perdana Menteri Britain, Tony Blair, minggu lain.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata kejayaan pertemuan Perdana Menteri dengan pemimpin dunia itu, menangkis pandangan sesetengah pihak kononnya Malaysia selepas era Tun Dr Mahathir Mohamad, akan kurang memainkan peranan pada peringkat antarabangsa.

"Pandangan itu terbukti menyimpang daripada kebenaran dan Perdana Menteri kita dengan caranya telah menunjukkan minat Malaysia sebagai pemimpin negara membangun dan Islam dengan menyampaikan pandangan yang positif ke arah membina kestabilan dunia," katanya pada sidang media di pejabatnya di sini, semalam.

Sepanjang lawatan ke tiga negara itu, Abdullah yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara Berkecuali (NAM), memberi pandangan mengenai isu semasa termasuk keganasan, Islam dan konflik di Iraq serta Palestin.

Ia adalah lawatan yang penting terutama ketika dunia berada dalam keadaan tidak menentu dan Islam yang berhadapan dengan pelbagai tekanan.

Syed Hamid berkata, lawatan itu memberikan Perdana Menteri satu pentas yang diterima oleh pemimpin dunia sebagai wakil negara OIC dan membangun.

Selain itu, katanya, Abdullah juga berjaya memberikan pandangannya sebagai pemimpin sebuah negara Islam yang sederhana, moden dan progresif serta harmoni dengan rakyat pelbagai agama dan bangsa.

"Dengan itu, orang memandang tinggi terhadap lawatan dan pandangan yang diberikan oleh Perdana Menteri. Saya tengok perjumpaan yang diadakan begitu mesra dan terbuka dan ini membuka lembaran baru dari segi penerimaan negara berkenaan yang menjadi anggota tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu,"
katanya.